JADUAL

Waktu sembahyang

BAGI KUALA LUMPUR DAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

(dari 6 hingga 10 April 1988)

SUBUH : 5.53	ZOHOR : 1.15	MAGHRIB : 7.18
SYURUK : 7.09	ASAR : 4.22	ISYAK : 8.28

الحركة

BERTEKAD MEMBULATKAN JAMAAH

SYURA dan bermesyuarat adalah amalan penting dalam hidup berjemaah. Setelah bermesyuarat di peringkat cawangan, kawasan, negeri, akhirnya jemaah PAS mengadakan Muktamar Tahunannya. Ia merupakan kemuncak bagi mesyuarat-mesyuarat PAS.

Di dalam struktur kuasa parti, muktamar itu adalah kuasa pemutus tertinggi di dalam kerangka Al-Islam iaitu Al-Quran dan Assunah. Muktamar Tahunan adalah lebih berkuasa dari pemimpin-pemimpin individu di dalam parti. Ia juga mengatasi keputusan-keputusan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

Bagaimanapun, semua keputusan muktamar itu tidak akan bermakna sekiranya ia tidak dipatuhi dan dilaksanakan sungguhpun ia telah dipersetujui. Menentang keputusan jemaah akan menjadikan jemaah tidak bermakna dan ia akan merintis kepada perpecahan dan kemusnahan.

Saluran suara dan pandangan ahli-ahli sudah tersedia. Walau apapun kecacatan yang ada, saluran mesyuarat dapat digunakan untuk mencorakkan jemaah. Muktamar Tahunan akan mencerminkan pandangan-pandanngan ahli. Pandangan-pandangan ahli melalui usul-usul dari cawangan-cawangan akhirnya sampai juga ke muktamar pusat. Kekuatan muktamar mencerminkan kekuatan ahli.

Di antara tugas ahli PAS yang jelas dinyatakan di dalam perlembagaan parti ialah melaksanakan arahan-arahan dan keputusan-keputusan parti samada umum atau khusus. Keupayaan mematuhi keputusan adalah juga bermakna keupayaan memimpin.

Menjadi anggota jemaah bukanlah sekadar membuat pengakuan untuk menyatakan sokongan terhadap parti. Pengakuan itu harus diterjemahkan kepada amalan yang menunjukkan kepatuhan kepada keputusan jemaah.

Sebarang percanggahan di antara amalan dan pengakuan akan mengakibatkan pengakuan itu tidak sah dan tidak dipercayai oleh anggota-anggota jemaah yang lain.

Tekad untuk membulatkan jemaah memerlukan pengorbanan. Pengorbanan dalam mengamalkan keputusan jemaah dan pengorbanan untuk menghadkan pandangan individu hanya disuarakan di dalam mesyuarat-mesyuarat. Untuk melancarkan sistem ini, mesyuarat-mesyuarat perlu dijalankan dengan baik dan dapat menampung kesemua corak pandangan orang-perseorangan.

Dengan jemaah yang bulat, pemikiran anggota-anggota jemaah akan lebih kemas untuk menyerang kezaliman dan melaksanakan keadilan.

Perhatian jemaah akan tertumpu keluar untuk menggempur pemikiran assabiyah, bertindak menentang kezaliman dan berjuang membebaskan ummah.

Islam, umat Islam dan jemaah PAS kini sedang dizalimi. Anggota-anggota PAS yang memperjuangkan kedaulatan Islam sedang ditahan tanpa bicara. Jemaah PAS disekat dari mendekati rakyat dengan dilarang mengadakan perhimpunan-perhimpunan umum.

Umat Islam dinafikan hak mengamalkan undang-undang Islam dan mengujudkan negara Islam. Islam di negara ini hanya dijadikan perhiasan dan simbul. Ia tidak dijunjung dan didaulatkan.

Jemaah yang bulat akan merobah keadaan ini semua.

NOTIS MESYUARAT AGUNG

UNTUK PERHATIAN AHLI-AHLI AL-RAHMANIAH BADAN DAKWAH DAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa al-Rahmaniah akan mengadakan Mesyuarat agung bagi tahun 1988/89 seperti berikut:

Tempat	:	**Pejabat al-Rahmaniah No. 94-2, Jalan Raja Bot, Off Jalan Raja Muda, 50300 Kuala Lumpur**
Tarikh	:	**10hb. April, 1988**
Masa	:	**2.30 petang**

Surat-surat jemputan telah pun diedarkan kepada ahli-ahli al-Rahmaniah. Bagaimanapun, mereka yang belum menerima surat jemputan, di sini Yang Dipertua dan ahli-ahli Jawatankuasa berharap agar tuan-tuan dan Puan-puan dapat menghadirkan diri pada hari tersebut.

'LEDAKAN KEMBALI KEPADA ISLAM'

Senjata iman sebalik batu-batu Palestin

Khutbah Jumaat

Ustaz Abdul Hadi

Saudara-saudara muslimin yang dihormati dan dikasihi.

Ketika umat Islam menyambut peristiwa Isra' dan Mikraj' sepatutnya mereka janganlah lupa kedudukan Masjidil Aqsa yang menjadi tempat isra'nya Rasulullah dan bermulanya Mi'raj, di mana Masjidil Aqsa dan kelilingnya yang diberkati oleh Allah swt. Bumi Palestin yang menjadi bumi nabi-nabi dan rasul-rasul a.s. masih lagi dibawah kekuasaan yahudi, bangsa yang dilaknati oleh Allah di dalam Al Quran. Masalahnya sekarang mereka adalah bangsa yang dilaknati dan paling banyak disebut tentang laknatnya oleh Allah. Allah mengatakan kepada mereka sebagaimana firmannya:

> "Engkau akan dapati (Wahai Muhamad) orang yang paling bermusuh dengan orang-orang yang beriman itu ialah orang yahudi dan orang musyrikin."
>
> Al Maidah: 82

Walaupun itulah dinyatakan oleh Allah, mengapakah bumi Palestin yang suci itu ditakluki oleh orang-orang yahudi? Marilah kita umat Islam menghisab diri sebelum kita dihisab oleh Allah. Bumi Palestin yang awalnya sudah ditebus oleh umat Islam dengan pertolongan dari Allah. Tetapi sekarang ini telah dapat diambil oleh musuh Allah yang paling dilaknati itu, sudah tentu di sana terdapat kesilapan-kesilapan, kesalahan-kesalahan mungkin dosa-dosa dilakukan oleh umat Islam sendiri.

Sejarah tidak dapat melupakannya kerana ia adalah suatu sejarah yang baru dalam sejarah umat Islam. Kejatuhan Palestin adalah ekoran daripada kejatuhan Khalifah Islamiyyah hasil daripada umat Islam kembali kepada Assobiyyah yang telah dikutuk oleh Rasulullah saw melalui sabdanya:

> "Bukan dari kalangan kita orang yang menyeru kejalan Assobiyyah, bukan dari kalangan kita orang yang berjuang di atas jalan Assobiyyah dan bukan dari kalangan kita orang yang mati di atas jalan Assobiyyah."

Lalu para sahabat bertanya:

"Apakah yang dikatakan Assobiyyah itu wahai Rasulullah."

Jawab baginda:

"Bahawasanya kamu menolong kaummu di atas dasar kezaliman."

Oleh kerana mereka adalah kaum kita walaupun mereka itu zalim, ditolong jua, itulah Assobiyyah yang telah diharamkan oleh Rasulullah saw.

Tetapi umat Islam dizaman kelemahan, mereka telah menghirupkan kembali semangat Assobiyyah itu dengan nama dan bentuk baru yang dinamakan Nasionalisme, dijadikan dasar perjuangan sehingga orang arab dan bangsa-bangsa lain berpisah sesama Islam diatas sempadan kebangsaan itu dan sehingga orang Islam sanggup menjemput kuasa-kuasa besar dunia untuk menentang Khalifah Islamiyyah, maka jatuhlah Khalifah Islamiyyah yang berpusat di Istanbul.

Allah swt telah menurunkan satu bala kepada umat Islam yaitu negara-negara umat Islam telah diabdikan, telah dibahagikan pusaka oleh kuasa-kuasa penjajah di kalangan mereka, bumi Palestin Masjidil Aqsa ditawan dengan begitu senang dan mudah walaupun ada dikalangan umat Islam yang bangkit menentang kedatangan yahudi dipalestin. Tetapi sungguh mendukacitakan negara-negara Assobiyyah Arab telah mengambil tindakan ke atas pimpinan gerakan Islam yang memainkan peranan besar dalam jihad Palestin. Ada di antara mereka yang dibunuh syahid, ada di antara mereka dihukum penjara apabila pulang ke negeri masing-masing dan Allah swt masih lagi meletakkan Palestin di bawah kekuasaan yahudi.

Berlaku satu rahmat yang besar kepada umat Islam sejak dua bulan yang lalu di mana berlaku apa yang dikenali 'Ledakan Kembali Kepada Islam' yang lahir di kalangan pemuda-pemuda Palestin. Pemuda-pemuda yang tidak sempat melihat peristiwa didatangi yahudi pada tahun 1948. Ramai di kalangan mereka pada masa itu adalah bayi dan kanak-kanak yang masih kecil tetapi mempunyai kesedaran kembali kepada Islam telah keluar dari Masjidil Aqsa dan masjid di Palestin dengan bersenjatakan batu sehingga mengemparkan seluruh dunia. Mengapa dunia menjadi gempar? Yahudi bertindak dengan ganas sedangkan mereka hanyalah bersenjatakan dengan batu sahaja. Apa yang boleh dibuat dengan batu? Sebabnya mereka mengetahui di belakang batu ada senjata yang sangat bahaya kepada mereka yaitulah senjata iman dan Islam, senjata yang menjatuhkan kerajaan Parsi dan Rom. Senjata iman dan Islam yang ada dibelakang batu inilah musuh-musuh Islam menyedari satu-satunya senjata yang dapat mengalahkan mereka.

Apa yang menyedihkan kita, negara-negara Islam yang dipimpin oleh orang-orang yang mengaku diri mereka sebagai orang Islam diam membisu tidak mengambil suatu tindakan yang bersungguh-sungguh, tidak mengambil tindakan mengisytiharkan jihad bagi membebaskan bumi Palestin, mengapa? Sebenarnya bukan bumi Palestin sahaja yang dijajah oleh Yahudi tetapi fikiran mereka telah ditakluk dan dijajah oleh isme, berbagai ideologi, kepala-kepala mereka masih berpegang dengan tiori-tiori dan perundangan yang kemukakan oleh ahli falsafah yahudi. Kalau tidak keseluruhan pun sebahagian dari mereka termasuk yang ada dalam negara kita masih lagi menjadi ahli pertubuhan Freemason, pertubuhan yahudi yang mempunyai perjuangan untuk menghancurkan manusia, kerana kepada orang yang menjadi ahli freemason itu menganggap pertubuhan ini sebagai pertubuhan insuran yang dapat menjaminkan kepada mereka apabila jatuh dan tumbang.

Oleh kerana itu mereka yang bergantung kepada pertubuhan freemason ini walaupun ulama-ulama Islam seluruh dunia mengisytiharkan pertubuhan freemason itu adalah kafir dan jahiliyyah tetapi tidak ada kalangan pimpinan-pimpinan di negara umat Islam mengeluarkan diri atau membersihkan diri dari pertubuhan freemason. Mereka yang bercakap mengenai Palestin di bangsa-bangsa bersatu dan dinegara-negara masing-masing di atas nama pimpinan, mereka itu secara diam-diam adalah alat kepada yahudi dan persatuan yahudi.

Bagaimana mereka hendak menentang tuan mereka? Bagaimana mereka hendak menjadi pimpinan bagi membebaskan Palestin dan hendak menganjurkan satu perjuangan menghapuskan Israel. Walaupun ada cakap-cakap untuk mengadakan perundingan bagi menyelesaikan masalah Palestin tetapi cakap-cakap itu tidak mahu menghapuskan ujudnya Israel hanya sekadar untuk memberi kuasa autonomi kepada rakyat Palestin sedangkan Israel masih lagi diwujudkan. Bahkan masih ada dikalangan mereka secara diam-diam mengadakan hubungan perdagangan dengan Israel dan masih lagi mendapat nasihat dan tunjuk ajar daripada pimpinan Yahudi yang berada di seluruh dunia.

Kita melihat suatu perkara yang sangat malang mereka mengalihkan masalah-masalah Palestin kepada suatu masalah yang lain. Masalah Palestin pernah dialih kepada masalah Lubnan, masalah sempadan dan bumi Arab yang ditawan oleh Yahudi dalam perang 1967. Masalah Palestin dialih pengkalannya dari tempat yang berhampiran dengan Palestin melarikan diri ke Tunisia dan ini adalah satu langkah yang sangat pengecut dan penakut.

Kita melihat bagaimana sekarang terdapat suatu langkah untuk melupakan umat Islam tentang kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh Yahudi di Palestin. Yahudi yang mematahkan tangan pemuda Palestin dengan zolim, yang menggali lubang dan menimbus pemuda Palestin hidup-hidup dan berbagai-bagai lagi kezaliman dan kekejaman sedang berlaku dibumi Palestin sekarang. Di sana terdapat satu langkah untuk mengalihkan perhatian dunia kepada perang teluk dan ini adalah satu perancangan yang halus dan licin melalui bekalan senjata berat, peluru berpandu jarak jauh dan sederhana untuk melakukan peperangan dari kota kekota yang dibekalkan kepada Iraq, sebuah negara yang melancarkan serangan pada permulaannya. Sebagaimana dibekalkan dengan senjata untuk menghebatkan perang teluk supaya orang Islam tidak memberi perhatian kepada masalah Palestin. Suatu perancangan yang licin.

Kita melihat bagaimana pimpinan-pimpinan negara Arab juga lebih memberi perhatian kepada perang teluk daripada masalah Palestin. Sesungguhnya mereka tidak mengenal siapa musuh mereka yang sebenar yaitulah Yahudi, Amerika dan Russia serta pimpinan kufar yang mengepung mereka sekarang. Oleh kerana itu sepatutnya mereka hendaklah menghentikan peperangan yang berlaku itu, menjatuhkan sesiapa yang tidak mahu kepada Islam dan mereka juga sepatutnya mengalihkan medan jihad yang sebenar yaitu menentang Yahudi. Inilah yang perlu dilakukan oleh umat Islam. Tiap-tiap tahun mereka menyambut Isra' Mi'raj tetapi peristiwa ini tidak memberi iktibar yang mengubah fikiran mereka.

Benarlah firman Allah swt:

> "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum melainkan mereka itulah sendiri yang mengubah apa yang ada pada mereka sendiri."
>
> Ar-Raddu: 11

Lihat Muka 23